

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JULAI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

30 projek bernilai RM100 juta ditangguhkan

30 projek bernilai RM100 juta ditangguhkan

Kuala Lumpur: Sebanyak 30 projek bernilai kira-kira RM100 juta daripada 7,243 projek pembangunan yang diluluskan tahun ini diputuskan untuk ditangguhkan, dalam usaha melaksanakan langkah penjimatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kriteria projek yang ditangguhkan itu adalah projek baharu dan sedia ada yang belum dimulakan proses perolehan serta belum dilaksanakan.

Selain itu, projek bukan ketuaan yang dikenal pasti, kecuali projek yang mempunyai impak segera kepada kesejahteraan rakyat serta projek baharu dan sedia ada yang menghadapi masalah pelaksanaan seperti itu tajuk.

Beliau berkata, antara projek itu ialah pembinaan pusat pemprosesan getah bersepadu di bawah Kementerian Perusahaan Perludungan dan Komoditi; perolehan peralatan bagi memodenkan bengkel dalam bidang elektrikal serta projek kerjasama pusat latihan teknologi tinggi dengan institusi pendidikan dan latihan di luar negara di bawah Kementerian Sumber Manusia serta projek penyelidikan strategik di bawah Kementerian Per-

dagangan Antarabangsa dan Industri.

Mustapa berkata, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (EPU) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang mengadakan sesi libat urus dengan semua kementerian dan jabatan kerajaan untuk memuktamadkan projek yang akan ditangguhkan.

"Sesi libat urus ini akan berterusan minggu depan. Kita akan adakan pertemuan dengan semua kementerian untuk pastikan mana-mana yang perlu untuk menjamin kesejahteraan rakyat diteruskan," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (PH-Lembah Pantai) yang ingin tahu jumlah projek yang sudah diputuskan untuk ditangguhkan daripada 7,243 projek pembangunan bernilai RM75.6 bilion yang diluluskan untuk perlaksanaan bagi tahun ini.

Mustapa bagaimanapun berkata, projek mega seperti MRT Laluan Lingkaran 3 (MRT3), Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Lebuhraya Pan Borneo akan



Mustapa menyampaikan ucapan pada majlis pembukaan program latihan baru Google di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

diteruskan seperti dirancang.

"Ini penting bagi menyokong usaha kerajaan untuk merancakkan pemulihran ekonomi pasca-COVID-19," katanya.

Tiada penyelarasan eluan

Pada majlis berasingan, Mustapa berkata kerajaan ketika ini tidak bercadang untuk melakukan penyelarasan eluan bagi pegawai

atasan kerajaan, termasuk menteri, sebagai antara langkah penjimatan.

"Itu (pemotongan eluan) tak berbangkit setakat ini," katanya selepas pelancaran Gemilang, sebuah konsortium majikan yang menghubungkan pencari kerja dengan bakal majikan diterajui Google, di sini semalam.

Ditanya sama ada langkah pen-

jimatan kerajaan akan memberi kesan domino sehingga mengganggu proses pemulihran ekonomi pasca COVID-19, Mustapa berkata apa yang dilakukan oleh kerajaan tidak sepertinya membulunkan kegusaran kerana ia hanya membabitkan projek kos tidak besar.

Sehubungan itu, katanya, keimbangan berhubung pengumuman langkah penjimatan oleh kerajaan adalah tidak berdasar.

"Setakat ini, cuma 30 daripada lebih 7,000 projek membabitkan RM100 juta sahaja ditangguhkan. Angka ini kecil. Jadi ini tidak harus membimbangkan. Projek yang sudah bermula, sudah ada reka bentuk dan sudah dilaksanakan tak ada masalah. Justeru, kerisauan yang timbul ini ialah tidak berdasar," katanya.

Mustapa memberi jaminan kerajaan kekal mengambil langkah berwaspada supaya langkah penjimatan yang diumumkan tidak mengganggu pelan pemulihran ekonomi negara.

"isu utama ialah kerajaan perlu membelanjakan jumlah wang yang besar bagi menampung subsidi. Walaupun ekonomi negara terus berkembang, kita akan berhati-hati dalam melaksanakan langkah penjimatan itu," katanya.